

30 OCT 2003

Parlimen-Mahathir (agama)

JANGAN GUNA AGAMA UNTUK PECAH-BELAH KAUM SEAGAMA: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan semua pihak agar tidak menggunakan agama bagi memecah-belahkan kaum seagama.

Perdana Menteri berkata bahawa tidak wujud perbezaan antara orang Islam di Malaysia, dan sebab itulah persoalan agama tidak perlu dipertikaikan dan tidak perlu dijadikan sebagai isu dalam perhubungan sesama Islam.

"Dalam mana-mana masyarakat walaupun terdiri daripada satu bangsa, satu agama atau satu bahasa, tetap akan ada perbezaan kerana ini adalah naluri manusia dan kerana perbezaan ini tentulah pendapat juga berbeza-beza.

"Tetapi berkenaan dengan agama, tidak harus ada perbezaan kerana kita semuanya daripada kumpulan Sunni dan pengikut Imam Syafie," katanya pada persidangan Dewan Rakyat.

Sebelum itu, Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) meminta Dr Mahathir memberikan nasihat terakhirnya selaku Perdana Menteri kepada pihak-pihak tertentu dalam menjamin perpaduan negara ini terus berkekalan. Dr Mahathir akan bersara esok selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata perbezaan pendapat selain daripada agama bagaimanapun boleh dibahaskan bagi memperolehi idea-idea bernas.

"Pendapat lain, umpamanya kalau ada pendapat berbeza mengenai dasar-dasar bagaimana menolong golongan bumiputera, bagaimana mengadakan perhubungan dengan orang bukan Islam...itu kita boleh bahaskan sesama kita," katanya.

Dr Mahathir turut menasihati golongan bukan Islam daripada pihak pembangkang dengan menyatakan: "Bagi orang bukan Islam daripada kumpulan itu (pembangkang), saya fikir ingatlah bahawa kita duduk dalam sebuah negara.

"Malaysia ini adalah negara kita dan kalau kita bertindak dengan memburukkan negara kita, kita yang akan jadi mangsa."

Namun, katanya, walaupun wujud golongan bukan Islam seperti itu, majoriti rakyat bukan Islam di negara ini adalah rasional dan tetap memberi sokongan kuat kepada kesederhanaan kerajaan dalam menunaikan tanggungjawab.

Dr Mahathir berkata kerana kesederhanaan itu jugalah tidak ada rusuhan kaum yang teruk berlaku di negara ini selain daripada peristiwa 13 Mei 1969.

"Berkat pemerintahan Barisan Nasional yang memberi penyeimbangan kepada kaum bukan Islam dan kaum bukan Melayu, maka kita dapat mewujudkan keharmonian dalam negara kita ini, walaupun tentulah ada sedikit sebanyak pihak yang tidak senang dengan keharmonian itu," katanya.

Beliau secara berseloroh turut berkata bahawa kerana majoriti daripada rakyat Malaysia tidak menyokong golongan itu, dan tetap tidak akan menyokong mereka pada tahun 2004, maka negara ini akan terus aman.

Semasa menjawab soalan asal Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai cabaran yang berbeza berbanding dengan yang terdapat di negara-negara lain kerana rakyatnya yang berbilang kaum mewujudkan perbezaan yang banyak.

"Sementara kita terima kebebasan bersuara, kita juga tahu jika sentimen perkauman digembar-gemburkan, maka sudah tentu kestabilan negara akan terjejas dan rusuhan kaum berlaku.

"Apabila rusuhan berlaku, hak asasi dan hak demokrasi rakyat pasti akan hilang," katanya.

Beliau berkata kawalan supaya rusuhan kaum tidak berlaku sebenarnya

melindungi demokrasi dan hak asasi manusia.

"Oleh itu jika seseorang individu atau sekumpulan kecil menghasut supaya akhirnya berlaku rusuhan, mereka sebenarnya cuba menidakkan hak demokrasi dan hak kemanusiaan puak majoriti," katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan yang diambil terhadap individu atau minoriti yang nampak seolah-olah tidak demokratik sebenarnya adalah untuk melindungi demokrasi.

"Demikian juga, kita tidak membenarkan parti komunis bertanding dalam pilihan raya, sesuatu yang tidak demokratik, kerana kita tahu jika mereka menang mereka akan hapuskan demokrasi dan mendirikan kerajaan diktator.

"Sekali lagi tindakan tidak demokratik terpaksa diambil untuk melindungi demokrasi," katanya.

Beliau berkata kefahaman mengenai demokrasi dan sikap tolak ansur antara kaum akan mengekalkan perpaduan negara dan mengelak dari berlakunya terrorisme dan serangan pengganas.

-- BERNAMA

NN NN MAI